



## SIARAN MEDIA

---

### **PENUBUHAN MAJLIS PERUNDINGAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA (MPKM)**

**PUTRAJAYA, 9 JUN 2020** - Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah menubuhkan Majlis Perundingan Komunikasi dan Multimedia (MPKM) sebagai satu platform bagi Kerajaan membincang dan mendapatkan input daripada semua pemegang taruh (*stakeholders*) dalam merencanakan pendekatan dan dasar bagi isu-isu komunikasi dan multimedia. Pendekatan MPKM ini juga turut melibatkan penyertaan dari masyarakat madani yang mempunyai peranan langsung ke atas pembangunan negara.

Majlis Perundingan Komunikasi dan Multimedia ini akan dipengerusikan oleh YB Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan dianggotai oleh 15 ahli (senarai nama dilampirkan bersama) yang merangkumi pengurusan tertinggi KKMM, wakil-wakil dari masyarakat sivil, ahli akademik, badan pemikir, pakar sesuatu bidang, badan profesional, badan perniagaan dan sebagainya. Ahli-ahli MPKM yang dilantik adalah bersandarkan kepada pengalaman, kemahiran dan kepakaran ahli berkenaan selaras dengan fungsi utama KKMM.

Penubuhan MPKM adalah selari dengan maklumat KKMM ke arah memacu kecendekiaan (*intelligence*) dalam masyarakat. Ia juga seiring dengan visi kementerian, iaitu melahirkan masyarakat terhubung, berinformasi, kreatif dan berbudaya digital. Manakala segala undang-undang, dasar-dasar dan program-program kementerian adalah wahana untuk mencapai matlamat tersebut.

KKMM juga akan membuka peluang kepada semua anak muda warganegara Malaysia di seluruh dunia berumur di antara 18 hingga 30 tahun untuk menyumbangkan idea dan cadangan melalui program “**Ideas4KKMM**” bagi penambahbaikan Pelan Strategik KKMM 2019-2023. Program berbentuk pertandingan ini merupakan salah satu usaha Kementerian untuk menggalakkan sumbangan idea dalam kalangan masyarakat bagi meningkatkan sistem penyampaian Kementerian. 10 idea terbaik akan dipilih untuk hadiah istimewa dan dijemput ke sesi perbincangan khas bersama YB Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Penyaluran idea boleh dikemukakan melalui laman sesawang KKMM <https://www.kkmm.gov.my/awam/ideas4kkmm>.

***Dikeluarkan oleh:  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Komunikasi dan Multimedia***

---

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi talian Hotline KKMM di talian 03-89115351.

## **LAMPIRAN**

### **SENARAI AHLI MAJLIS PERUNDINGAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

**1. YB Dato' Saifuddin Abdullah**

Menteri

Kementerian Komunikasi dan Multimedia

**2. YB Datuk Zahidi Zainul Abidin**

Timbalan Menteri

Kementerian Komunikasi dan Multimedia

**3. YBhg. Dato' Suriani bt Ahmad**

Ketua Setiausaha

Kementerian Komunikasi dan Multimedia

**4. YBhg. Dato' Professor Dr. Hj. Awang bin Sariyan**

Pakar Bahasa

Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka

**5. Puan Chee Yoke Ling**

Pengarah Program

Third World Network

**6. Encik Danny Lee**

Pengerusi PIKOM

**7. Puan Kavita Mahendran**

Naib Presiden MBM

**8. Dato' Dr. Paul Selvarajah**

Pengerusi Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)

**9. YBhg. Tan Sri Dato' Sri Zamzamzairani bin Mohd Isa**

Pengerusi UEM Sunrise

**10. YBhg. Tan Sri Datuk Amar Haji Mohd Morshidi bin Hj. Abdul Ghani**

Bekas SUK Negeri Sarawak

**11. Profesor Emerita Datuk Dr. Mazlan Othman**

Astrofizik, Perintis Dalam Bidang Sains Dan Teknologi Di Malaysia,  
Ketua Pengasas Pengarah Agensi Angkasa Negara

**12. Encik Mohd Razin Muhammad**

Pembangunan Start Up

**13. Encik Tany bin Kiob @ Anthony Kiob**

CEO, Institute of Development Studies

**14. Encik Eric Paulsen**

Pengarah Undang-Undang Fortify Liberty,  
Wakil Malaysia dalam Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN  
Mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR)

**15. YBhg. Tan Sri Johan Jaaffar**

Tokoh Wartawan Negara 2019  
Bekas pengerusi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)